

01 JUL 2003

Ng-Pelaburan/I

NG LAPOR DIRI SEBAGAI T/MENTERI KEWANGAN DENGAN SEMANGAT TINGGI

PUTRAJAYA, 1 Julai (Bernama) -- Sama seperti yang biasa beliau lakukan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Timbalan Menteri Kewangan II yang baru Datuk Dr Ng Yen Yen berikrar untuk terus menarik orang asing ke Malaysia -- kali ini melabur di negara ini.

"Saya akan kaji bagaimana saya boleh menyumbang pengalaman empat tahun di kementerian pelancongan membawa masuk pelancong.

"Sekarang saya akan membawa masuk pelaburan, membawa masuk wang, bawa orang asing beli saham di sini," katanya pada hari pertama bertugas di Kompleks Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Ng mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara semalam, berikutan rombakan kecil kabinet oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Jun.

Ng yang berpakaian kebaya merah berkolar Cheongsam, berkata beliau akan memberi tumpuan antara lain kepada China kerana beliau mempunyai rangkaian baik dengan republik terbabit.

"Saya mahu kaji diaspora China. Dengan 1.3 bilion penduduk dan 600 juta berada di luar negara, mereka membentuk kuasa ekonomi yang besar," kata Ng yang juga Ketua Wanita MCA.

Ng menjadi wanita pertama dalam masa lebih 20 tahun dilantik sebagai timbalan menteri kewangan selepas Datuk Seri Rafidah Aziz (kini Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) yang memegang jawatan itu antara 1977 dan 1980.

Ng berkata salah satu resolusinya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan seperti Hong Kong.

"Kita memiliki segala infrastruktur. Ia merupakan satu bidang yang saya rasakan saya dapat beri sumbangan," katanya.

Sebelum itu Ng yang diiringi bekas timbalan menteri kewangan Datuk Chan Kong Choy (kini Menteri Pengangkutan), bertemu Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

"Beliau (Jamaluddin) memberi saya banyak nasihat. Saya akan segera belajar tanggungjawab saya, dasar dan arah tuju kementerian," katanya.

-- BERNAMA

SHI MAM LAT